

**TINJAUAN KESAN PEMANSUHAN
PENTAKSIRAN TINGKATAN 3 (PT3) TERHADAP
PILIHAN ALIRAN MENENGAH ATAS DALAM
KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

SITI AISYAH BINTI ABDULLAH

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2024**

**TINJAUAN KESAN PEMANSUHAN PENTAKSIRAN TINGKATAN 3 (PT3)
TERHADAP PILIHAN ALIRAN MENENGAH ATAS DALAM KALANGAN
PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

SITI AISYAH BINTI ABDULLAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(BIOLOGI) DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2024**



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپنيزيتي قنديدين سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **16 Februari 2024**.

I. Perakuan Pelajar:

Saya, **SITI AISYAH BINTI ABDULLAH, D20201093633, FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **TINJAUAN KESAN PEMANSUHAN PENTAKSIRAN TINGKATAN 3 (PT3) TERHADAP PILIHAN ALIRAN MENENGAH ATAS DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

II. Perakuan Penyelia:

Saya, **EN. AZMI BIN IBRAHIM** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **TINJAUAN KESAN PEMANSUHAN PENTAKSIRAN TINGKATAN 3 (PT3) TERHADAP PILIHAN ALIRAN MENENGAH ATAS DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT** oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah. **IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (BIOLOGI) DENGAN KEPUJIAN.**

Tarikh

Tandatangan Penyelia



BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN “[LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR]”
DECLARATION OF “[FINAL YEAR PROJECT REPORT]”

Tajuk / Title: **TINJAUAN KESAN PEMANSUHAN PENTAKSIRAN TINGKATAN 3 (PT3)
TERHADAP PILIHAN ALIRAN MENENGAH ATAS DALAM KALANGAN
PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

No. Matrik / *Matric's No.*: **D20201093633**

Saya / *I*: **SITI AISYAH BINTI ABDULLAH**

Mengaku membenarkan [Laporan Projek Tahun Akhir]* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that my [Final Year Project Report] is kept at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows:-

1. Laporan Projek Tahun Akhir ini adalah hak milik UPSI.
The final year project report is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
3. *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
4. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Laporan Projek Tahun Akhir ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the final year project report for academic exchange.
5. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library is not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
6. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below :-*

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐

**TIDAK TERHAD / OPEN
ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ *Signature of Student*)
Tarikh/Date: _____

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya, saya dapat menyiapkan penyelidikan tahun akhir saya dengan sempurna. Setinggi penghargaan kepada penyelia yang banyak membantu dan memberi sokongan serta dorongan yang padu, iaitu En. Azmi bin Ibrahim. Terima kasih saya ucapkan kepada beliau di atas kesabaran dan kegigihan dalam membantu saya untuk menghasilkan tesis dengan cara yang betul. Saya juga amat terhutang budi kepada beliau atas perkongsian ilmu dan pandangan yang diberikan sehingga saya dapat menyempurnakan tesis ini dengan baik. Seterusnya, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak sekolah khususnya kepada pengetua di sekolah-sekolah yang telah membenarkan saya untuk menjalankan kajian penyelidikan ini. Tambahan lagi, terima kasih juga diucapkan kepada para kaunselor dan guru-guru yang membantu dalam mengedarkan borang soal selidik serta sentiasa mengingatkan kepada para pelajar untuk mengisinya. Tanpa mereka, sudah pastinya saya tidak dapat menyempurnakan kajian ini.

Tidak dilupakan juga buat keluarga yang merupakan pendorong utama kepada saya untuk menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih ini ditujukan kepada kedua-dua ibu bapa saya iaitu En. Abdullah bin P.M.D Hussain dan Pn. Fatimah binti Hussain serta adik beradik saya kerana sentiasa memberikan sokongan dan menjadi tulang belakang sepanjang proses menyiapkan projek ini.

Akhir sekali, tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan saya yang banyak memberikan sokongan dan bantuan sejak awal sehingga ke akhir penyelidikan iaitu Sal Sabila binti Md Sharif dan Nur Hidayah binti Sabidin.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti kesan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan faktor yang menentukan pilihan aliran menengah atas dalam kalangan pelajar tingkatan 4. Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan iaitu kajian kuantitatif. Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 181 orang pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah di Pulau Pinang yang dipilih menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Instrumen yang diguna pakai dalam kajian tinjauan ini bagi mengumpul data, ialah Soal Selidik Tahap Pengetahuan tentang kesan pemansuhan PT3 serta faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan aliran menengah atas. Data ini dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif, iaitu nilai min dan sisihan piawai manakala statistik inferensi melibatkan korelasi Pearson. Dapatan bagi kajian ini menunjukkan bahawa kesan pemansuhan PT3 adalah pada tahap (min = 3.03, sisihan piawai = 0.44) yang sederhana manakala purata bagi faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan aliran menengah atas ialah 3.22(SP=0.68) untuk minat, 3.25(SP=0.49) untuk pencapaian, 3.46(SP=0.57) untuk guru, 2.58(SP=0.76) ibubapa dan 2.96(SP=0.70) untuk rakan sebaya. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang (lemah/kuat) antara kesan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan pilihan aliran menengah atas dalam kalangan pelajar Tingkatan empat ($r = 0.56$, $p < 0.001$). Kajian ini memberikan panduan kepada KPM, guru, dan ibu bapa untuk meningkatkan minat pelajar dalam aliran STEM pada peringkat menengah atas. Faktor-faktor seperti peranan guru, pencapaian, dan minat mempengaruhi pemilihan aliran STEM. Langkah-langkah drastik perlu diambil, seperti seminar kecemerlangan bagi guru STEM, kursus pengurusan makmal, dan galakan kepada pelajar untuk menceburi bidang STEM. PIBG juga perlu terlibat dalam meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang pentingnya aliran STEM. Kerjasama semua pihak diperlukan untuk mencapai sasaran peningkatan pelajar dalam aliran STEM. Secara kesimpulannya, menerusi kajian ini penyelidik mengharapkan agar hasil kajian ini dapat memberikan gambaran menyeluruh kepada semua tentang kesan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) terhadap pilihan aliran menengah atas dalam kalangan pelajar Tingkatan empat.





SURVEY OF THE EFFECTS OF THE ANNULMENT OF THE PENTAKSIRAN TINGKATAN 3 (PT3) ON UPPER SECONDARY STREAM CHOICES AMONG FORM 4 STUDENTS.

ABSTRACT

This study was carried out to identify the effects of the annulment of the Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) and the factors that determine the choice of upper secondary stream among Form 4 students. This a survey study, employing quantitative methods. The sample of this study consisted of 180 students in form 4 in 3 schools in Penang who were selected using a simple random sampling technique This data was analyzed using descriptive statistics methods, which are mean values and standard deviations while inferential statistics involved Pearson's correlation. The findings for this study show that the effect of abolishing PT3 is at a medium level (mean 3.03 SD 0.45) while the average for the factors that influence the choice of the upper secondary stream is 3.22(SD=0.68) for interest, 3.25(SD=0.49) for achievement, 3.46(SD=0.57) for teachers, 2.58(SD=0.76) parents and 2.96 (SD=0.70) for peers. The findings of the study also show that there is a strong positive relationship between the effect of annulment of PTS and the choice of upper secondary stream among Form 4 students ($r=0.56$, $p < 0.001$). This study provides guidance to the Ministry of Education (KPM), teachers, and parents to increase students' interest in STEM subjects at the upper secondary level. Factors such as the role of teachers, academic achievement, and interest influence the selection of STEM streams. Drastic steps are needed, such as excellence seminars for STEM teachers, laboratory management courses, and encouragement for students to pursue STEM fields. Parent-Teacher Associations (PIBG) also need to be involved in raising parental awareness about the importance of STEM streams. Cooperation from all parties is necessary to achieve the goal of increasing student participation in STEM streams. In conclusion, through this study, the researcher hopes that the results of this study can provide a comprehensive overview of the effect of the abolition of PTS on the choice of upper secondary stream among Form 4 students.





KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	i
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
 BAB 1 PENGENALAN	 1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	9
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	10
1.8 Kepentingan Kajian	11
1.9 Batasan Kajian	13



1.10 Definisi Operasi	15
1.11 Rumusan	17

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR **18**

2.1 Pengenalan	18
2.2 Teori yang Mendasari Kajian	19
2.2.1 Teori Pembelajaran Konstruktivisme	19
2.2.2 Teori Pembelajaran Behaviorisme	21
2.2.3 Teori Pemusatan Insan	23
2.3 Sorotan Kajian Literatur	24
2.4 Rumusan	29

BAB 3 METODOLOGI **30**

3.1 Pengenalan	30
3.2 Pendekatan Kajian	31
3.3 Populasi Dan Sampel Kajian	32
3.4 Instrumen	36
3.4.1 Jenis Instrumen	36
3.4.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	38
3.4.3 Kesahan Muka	44
3.4.4 Kesahan kandungan	46
3.4.5 Ringkasan Pencapaian Kesahan	52
3.5 Kajian Rintis	53
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	56
3.7 Kaedah/Teknik Menganalisis Data	58

3.8	Rumusan	61
-----	---------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN 62

4.1	Pengenalan	62
-----	------------	----

4.2	Latar Belakang Responden	63
-----	--------------------------	----

4.3	Dapatan Kajian Deskriptif	67
-----	---------------------------	----

4.3.1	Persoalan Kajian 1	67
-------	--------------------	----

4.3.2	Persoalan Kajian 2	70
-------	--------------------	----

4.4	Dapatan Kajian Inferensi	73
-----	--------------------------	----

4.4.1	Persoalan Kajian 3	74
-------	--------------------	----

4.5	Perbincangan	76
-----	--------------	----

4.5.1	Kesan Pemansuhan PT3 Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan	
-------	---	--

Empat		76
-------	--	----

4.5.2	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pilihan Aliran Menengah	
-------	---	--

Atas Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4		77
---	--	----

4.5.3	Hubungan Antara Kesan Pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3	
-------	--	--

(PT3) Terhadap Pilihan Aliran Menengah Atas Dalam Kalangan		
--	--	--

Pelajar Tingkatan Empat		78
-------------------------	--	----

4.5	Rumusan	79
-----	---------	----

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN 80

5.1	Pengenalan	80
-----	------------	----

5.2	Ringkasan Kajian	80
-----	------------------	----

5.3	Kesimpulan	82
-----	------------	----

5.4	Implikasi Kajian	84
-----	------------------	----

5.5	Cadangan Kajian lanjutan	86
5.6	Rumusan	88
RUJUKAN		90
LAMPIRAN		97



SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Muka Surat
3.1	Penentuan Saiz Sampel (Krejcie Dan Morgan 1970)	33
3.2	Interpretasi Sklala Likert 4 Mata	38
3.3	Perbezaan Item Asal dan Item yang telah Ditambah Baik Semasa Proses Kesahan bagi Soal Selidik Kesan Pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)	39
3.4	Perbezaan Item Asal dan Item yang telah Ditambah Baik Semasa Proses Kesahan bagi Soal Selidik Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pilihan Aliran Menengah Atas.	42
3.5	Kesahan Muka Instrumen Soal Selidik melalui Peratus Persetujuan Pakar	45
3.6	Kesahan Kandungan Soal Selidik Kesan Pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)	47
3.7	Kesahan Kandungan Soal Selidik Faktor yang Mempengaruhi Pilihan Aliran Menengah Atas	50
3.8	Ringkasan Peratus Persetujuan Pakar	52
3.9	Interpretasi Skor Alpha Cronbach	55
3.10	Nilai Alpha Cronbach bagi Kajian Rintis.	55
3.11	Interpretasi Skor Min (Riduwan, 2012)	59
3.12	Interpretasi Sisihan Piawai (Ramlee, 1999)	60



3.13	Interpretasi Nilai Pekali Korelasi (Cohen, Manion & Marrison, 2011).	60
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	63
4.2	Taburan Responden Mengikut Aliran	65
4.3	Taburan Responden Mengikut Aliran Sains dan Bukan Sains	66
4.4	Dapatan Kajian dari Segi Kesan Pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) berdasarkan Skor Min dan Sisihan Piawai	67
4.5	Dapatan Kajian dari Segi Faktor yang Menentukan Pilihan Aliran Menengah Atas berdasarkan Skor Min dan Sisihan Piawai	70
4.6	Dapatan Kajian dari Segi Konstruk Faktor yang Menentukan Pilihan Aliran Menengah Atas berdasarkan Skor Min dan Sisihan Piawai	72
4.7	Dapatan Analisis Korelasi Pearson antara Kesan Pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) Terhadap Pilihan Aliran Menengah Atas dalam Kalangan Pelajar Tingkatan empat	74
4.8	Ringkasan Dapatan Kajian bagi Persoalan Kajian Satu hingga Dua	75
4.9	Ringkasan Dapatan Kajian bagi Persoalan Kajian Ketiga bagi Hipotesis Kajian	76

**SENARAI RAJAH**

Rajah	Tajuk	Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	10
3.1	Ringkasan Persampelan Rawak Mudah bagi Populasi	35
3.2	Formula Pengiraan Peratus Persetujuan Pakar	45
3.3	Formula Kesahan Kandungan Sidek Noah dan Jamaluddin (2005)	47
3.4	Prosedur Menjalankan Kajian	57
4.1	Peratus Responden Mengikut Jantina	64
4.2	Peratus Responden Mengikut Aliran	65





SENARAI SINGKATAN

DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PAK-21	Pembelajaran Abad Ke-21
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PdPr	Pengajaran dan Pembelajaran di rumah
PKP	Perintah kawalan Pergerakan
PMR	Peperiksaan Menengah Rendah
PP	Pentaksiran Pusat
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPsi	Pentaksiran Psikometrik
PS	Pentaksiran Sekolah
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
STEM	<i>Science</i> (Sains), <i>Technology</i> (Teknologi), <i>Engineering</i> (Kejuruteraan), dan <i>Mathematics</i> (Matematik).
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Perkara
A	Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik
B	Output SPSS

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

PT3 merupakan penilaian sumatif untuk menilai pencapaian akademik murid di peringkat menengah rendah Malaysia, menggantikan PMR sejak 1993. Skop sukatan pelajaran adalah dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 dengan matlamat, objektif, dan kandungan mata pelajaran yang ditetapkan. PT3 menitikberatkan kemahiran pelbagai aspek dan pembangunan kokurikulum untuk pembangunan holistik pelajar, serta memperkemas sistem pendidikan dengan penekanan pada kemahiran abad ke-21. Namun demikian, pada tahun 2022, PT3 digantikan sepenuhnya oleh Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) iaitu merupakan satu set indikator untuk menilai potensi murid dan kesiediaan untuk belajar, serta menguji penguasaan dan pencapaian. KSSM adalah kurikulum yang menitik beratkan kepada pengajaran yang berpusatkan murid serta kaedah pengajaran yang berbeza serta penekanan terhadap penyelesaian masalah,



tugas berasaskan projek, memperkemas tema bagi mata pelajaran tertentu serta melibatkan pentaksiran secara formatif (Mahdzir Khalid, 2017). Namun demikian, langkah pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan penukarannya kepada pentaksiran bilik darjah (PBD) adalah menjadi pertikaian dalam kalangan pakar-pakar pendidikan dimana mereka berpendapat bahawa ia tidak sesuai dilaksanakan pada masa kini. Menurut Anuar Ahmad (2022), penelitian semula isu-isu yang berkaitan dengan pemansuhan PT3 dan masalah dalam sistem pendidikan perlulah diselesaikan terlebih dahulu sebelum melaksanakan PBD ini. Antara isu yang perlu diselesaikan adalah seperti bilangan pelajar yang terlalu ramai dan sesebuah bilik darjah, bebanan kerja yang tidak berkaitan dengan pendidikan dan sebagainya. Secara jelasnya, pelaksanaan PBD tidaklah ditentang sepenuhnya tetapi yang menjadi permasalahan dan pertikaian adalah masa pelaksanaannya yang tidak sesuai dengan keadaan semasa. Namun demikian, terdapat permasalahan baru yang muncul dalam kalangan pelajar dan juga guru setelah pemansuhan PT3 yang telah dilaksanakan pada tahun 2022. Walaupun pelaksanaan PBD ini dilihat memenuhi matlamat utama KSSM, namun begitu kesannya terhadap pelajar bagi pilihan aliran menengah atas perlulah dititikberatkan. Oleh itu, satu kajian tinjauan mestilah dijalankan agar kita dapat mengetahui sejauh manakah kesan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) khususnya dalam kalangan pelajar tingkatan 4 terhadap kecelaruan dalam pemilihan hala tuju aliran menengah atas.





1.2 Latar Belakang kajian

Dalam mendepani era pasca Covid-19, ungkapan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) serta Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) tidak asing lagi dari dunia pendidikan khususnya dalam kalangan guru, pelajar mahupun ibu bapa. Perkara ini menjadi buah mulut masyarakat sejak akhir-akhir ini adalah kerana berlakunya pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) pada tahun lalu. Pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan PT3 dalam sistem pendidikan negara adalah bertujuan untuk memastikan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) dapat dilaksanakan secara efektif (Radzi Jidin, 2022). Menurutny lagi, pemansuhan ini adalah bertujuan untuk menghasilkan suasana pembelajaran yang lebih kondusif dan menyeronokkan oleh guru semasa pelaksanaan sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Oleh hal yang demikian, guru-guru mestilah berupaya mengaplikasikan kaedah pembelajaran masa kini iaitu PAK-21, peta I-think dan sebagainya. Perkara ini adalah untuk mencapai matlamat utama pemansuhan PT3 itu sendiri iaitu untuk menjadikan sesi pembelajaran lebih menyeronokkan disamping tidak tertumpu kepada peperiksaan semata-mata. Tambahan lagi, pemansuhan UPSR dan PT3 juga melatih para guru untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran antaranya dengan mengaplikasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) selaras dengan trend pendidikan era Revolusi Industri 4.0 dimana matlamatnya adalah untuk menormalisasikan penggunaan teknologi dalam pendidikan. Namun demikian, pemansuhan PT3 ini menimbulkan isu baharu dimana ia menimbulkan kecelaruan dan kesukaran dalam kalangan pelajar untuk membuat pilihan yang tepat bagi pemilihan aliran menengah atas.





Hal ini dikatakan sedemikian adalah disebabkan beberapa punca antaranya ialah tiada semangat daya saing antara pelajar. Semangat daya saing antara pelajar kian luntur akibat ketiadaan peperiksaan awam pada peringkat menengah rendah iaitu setelah pemansuhan PT3 itu sendiri. Dalam erti kata lain, pelajar tidak bersungguh-sungguh untuk menuntut ilmu kerana mereka beranggapan bahawa pembelajaran pada fasa tersebut adalah tidak penting serta mereka tidak akan diuji seperti mana di peringkat peperiksaan awam. Perkara ini berlarutan dan menyebabkan pelajar tiada persediaan awal untuk menghadapi peperiksaan seperti Sijil Pelajaran Malaysia ketika di Tingkatan 5. Pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) adalah satu tindakan drastik dan tergesa-gesa dimana ia adalah tidak wajar kerana persiapan rapi bagi pelaksanaan PBD belum dilaksanakan sepenuhnya (Anuar Ahmad, 2022). Falsafah Pendidikan kebangsaan adalah usaha untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari aspek 'JERIS' iaitu Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sosial serta memperkembangkan lagi kebolehan dan potensi individu secara bersepadu dan syumul. Walaupun pelaksanaan PBD dianggap memenuhi hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, namun sekiranya guru gagal menguasai kemahiran dan kebolehan mereka untuk melaksanakan PBD di bilik darjah maka perkara ini akan menjadi sia-sia sahaja. Perkara juga menjadi mewujudkan permasalahan apabila guru sendiri gagal menukarkan kaedah pengajaran yang tertumpu atau berorientasikan kepada peperiksaan sahaja. Hal ini menjadikan pemansuhan PT3 ini tidak relevan bagi segelintir pendidik di sekolah. Secara jelasnya, kesan pemansuhan ini sedikit sebanyak memberikan impak yang ketara terhadap pemilihan aliran menengah atas dalam kalangan pelajar kerana mereka tidak dapat menilai kemampuan sendiri bagi memilih aliran yang sesuai pada peringkat menengah atas kelak.





1.3 Pernyataan Masalah

Rentetan pemansuhan PT3 oleh KPM pada tahun lalu telah menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan guru, pelajar, ibu bapa serta masyarakat madani. Pada umumnya, peperiksaan boleh didefinisikan sebagai satu bentuk penilaian secara formal bagi menentukan tahap penguasaan pelajar di sekolah. Namun ketiadaan peperiksaan umum mengakibatkan guru bahkan para pelajar sendiri gagal menilai kebolehan masing-masing. Seperti yang sedia maklum, Pentaksiran Tingkatan 3 atau lebih dikenali sebagai PT3 adalah diwujudkan bagi menggantikan Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Tujuan pertukaran ini adalah untuk mengubah bentuk peperiksaan secara sepenuhnya kepada mod campuran iaitu peperiksaan beserta kerja kursus dan pentaksiran yang melalui ujian lisan, mendengar dan bertulis. Tujuan pemansuhan ini adalah untuk menukarkan kaedah penilaian yang tertumpu sepenuhnya kepada peperiksaan semata-mata kepada kaedah pentaksiran yang lebih sistematik. Oleh hal yang demikian, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) menjadi keutamaan kepada guru bagi menilai tahap penguasaan para pelajar bagi setiap mata pelajaran yang mereka pelajari di sekolah. Namun demikian, guru di sekolah terlalu memberi tumpuan terhadap peperiksaan untuk memastikan murid memperoleh keputusan yang cemerlang (Radzi Jidin, 2022). Hal ini adalah disebabkan oleh kesan pelaksanaan Perintah kawalan Pergerakan (PKP), dimana guru-guru terpaksa berhempas pulas untuk mempelajari dan melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PdPr) disamping menguasai dan mengutamakan PBD sebagai pegangan utama dalam menilai pencapaian pelajar. Bukan itu sahaja, pelajar secara langsung terpaksa akur dan turut mengikuti perubahan ini secara berperingkat.





Selain itu, permasalahan utama dari pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) ialah penurunan bilangan pelajar yang memilih aliran STEM khususnya bagi subjek Biologi. Hasrat utama dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mata pelajaran Biologi (2018) adalah untuk membangunkan insan yang berbudaya STEM, berdaya maju, dinamik, bertanggungjawab dan adil kepada masyarakat serta alam sekitar. Tambahan lagi, objektif utama yang termaktub dalam DSKP KSSM Biologi (2018) adalah untuk mengukuhkan kecenderungan dan minat pelajar dalam mata pelajaran biologi. STEM adalah singkatan bagi gabungan abjad awal untuk perkataan *Science* (Sains), *Technology* (Teknologi), *Engineering* (Kejuruteraan), dan *Mathematics* (Matematik). Menurut Fadhlina Sidek (2023) peratusan bagi pelajar yang mengambil aliran STEM ialah sebanyak 40.94% dimana mereka adalah terdiri daripada empat kumpulan iaitu pelajar yang mengambil mana-mana aliran STEM atau elektif STEM (Sains Gunaan dan Teknologi), Mata Pelajaran Matematik Tambahan saja, dan mengikuti program Kolej Vokasional Tahun 1. Namun begitu, pelbagai langkah yang drastik sedang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha mencapai sasaran 60:40 pelajar aliran STEM kepada aliran sastera iaitu melalui Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Fadhlina Sidek, 2023). Kemerosotan dalam peratusan pelajar yang mengikuti aliran STEM ini adalah disebabkan oleh kecelaruan atau kesukaran pelajar untuk membuat pilihan bagi aliran menengah atas akibat pemansuhan PT3 itu sendiri.. Hal dikatakan sedemikian kerana pelajar-pelajar yang bakal menjejakan kaki ke peringkat menengah atas tidak mengetahui kelayakan atau kemampuan mereka untuk memilih aliran menengah atas yang bersesuaian dengan tahap pencapaian mereka. Bukan itu sahaja, pelajar-pelajar ini juga sering dimanipulasi





dengan kenyataan bahawa mata pelajaran di bawah aliran sains sangat sukar untuk difahami terutamanya mata pelajaran Biologi. Mata pelajaran Biologi menunjukkan penurunan yang ketara kerana sering dianggap sukar dalam kalangan pelajar. Penurunan ini adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya pandangan pelajar yang menganggap konsep biologi adalah terlalu abstrak, kecenderungan minat yang dipengaruhi oleh jantina pelajar terhadap mata pelajaran biologi dan kaedah pengajaran guru di bilik darjah.

Seterusnya, permasalahan kedua ialah kesan-kesan pemansuhan PT3 terhadap pelajar. Kesan ini boleh dilihat dari nilai positif mahupun negatif. Menurut Ashma Said dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2023), dengan pemansuhan ini, murid dapat lebih fokus pada pembelajaran tanpa bebanan peperiksaan serta dapat menyelesaikan silibus dengan lebih efisien. Menurutnya lagi, pemansuhannya juga dapat meringankan beban kerja guru. Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) ini digantikan dengan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) telah dijalankan sepenuhnya di dalam kurikulum yang telah disusun sebagai KSSR dan KSSM pada tahun 2018 bagi memastikan penaksiran dijalankan setelah sistem peperiksaan dimansuhkan. Terdapat beberapa kekurangan yang dapat diutarakan melalui pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) kerana segelintir pakar pendidikan menganggap bahawa Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) ini sesuai dilaksanakan di Malaysia tetapi mungkin tidak sesuai dijalankan pada masa ini kerana kurangnya kesediaan guru terhadap pengenalan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Wujudnya permasalahan dalam pelaksanaan PBD di sekolah rendah setelah pemansuhan UPSR kerana kurangnya tahap kesediaan guru bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PBD di sekolah (Ashma Said & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad, 2023). Sekiranya guru sendiri gagal menguasai Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dengan



baik, maka tidak mustahil bagi guru untuk menghadapi kesukaran dalam pelaksanaan sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) di sekolah. Akibatnya, guru mungkin gagal melaksanakan penilaian terhadap pencapaian para pelajar dengan erti kata lain penilaian tersebut adalah tidak telus.

Walaupun, terdapat banyak kajian yang telah dilaksanakan bagi menilai kesediaan guru terhadap pelaksanaan PBD sejak pemansuhan PT3 ketika pandemik COVID-19, namun bagaimana pula kesan pemansuhan PT3 terhadap para pelajar. Oleh itu, tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti kesan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) terhadap trend pemilihan aliran menengah atas dalam kalangan pelajar Tingkatan empat. Kajian tinjauan ini adalah satu reka bentuk kajian kuantitatif yang dijalankan melibatkan kaedah kutipan data menerusi analisis dokumen soal selidik yang telah disediakan bagi pengisian oleh pelajar Tingkatan empat di beberapa buah sekolah kawasan Permatang Pauh, pulau pinang.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji kesan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) terhadap trend pemilihan hala tuju aliran menengah atas dalam kalangan pelajar Tingkatan empat. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah:

- i) Menenal pasti kesan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dalam kalangan pelajar tingkatan 4.



- ii) Mengenal pasti faktor yang menentukan pilihan aliran menengah atas dalam kalangan pelajar tingkatan 4 setelah pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3).
- iii) Menentukan hubungan kesan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) terhadap pilihan aliran menengah atas dalam kalangan pelajar tingkatan 4.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian bagi objektif mengenal pasti kesan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) terhadap pilihan aliran menengah atas dalam kalangan pelajar Tingkatan empat adalah seperti berikut:


- i) Apakah kesan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dalam kalangan pelajar tingkatan 4.
- ii) Apakah faktor yang menentukan pilihan aliran menengah atas dalam kalangan pelajar tingkatan 4 setelah pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3).
- iii) Adakah terdapat hubungan antara kesan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) terhadap pilihan aliran menengah atas dalam kalangan pelajar Tingkatan empat.

1.6 Hipotesis kajian

H_0 : Tiada perhubungan yang signifikan diantara pemasangan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan pilihan aliran menengah atas dalam kalangan pelajar Tingkatan empat.

H_a : Terdapat perhubungan yang signifikan di antara pemasangan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan pilihan aliran menengah atas dalam kalangan pelajar Tingkatan empat.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori tentang Tinjauan Kesan Pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) Terhadap Pilihan Aliran Menengah Atas dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat. Penyataan masalah bagi kajian ini adalah menumpukan kepada penurunan peratusan pelajar yang mengikuti aliran STEM dimana ia sepatutnya mencapai nisbah sebanyak 60 : 40 iaitu aliran STEM kepada sastera. Selain itu, pemboleh ubah bagi kajian ini ialah kesan pemansuhan PT3 dan faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan aliran menengah atas dalam kalangan pelajar. Kedua-dua pemboleh ubah ini adalah saling bersandaran dan hubungan bagi kajian ini telah dinyatakan pada bab 4 iaitu Dapatan kajian dan Perbincangan. Tambahan lagi, terdapat 3 teori yang mendasari kajian ini iaitu Teori Konstruktivisme oleh Jean Piaget (1971) dan Vygotsky (1978), Teori Behaviorisme oleh Pavlov, Watson, Thorndike, dan Skinner, (1846-1936) serta Teori Pemusatan Insan oleh Carl Rogers (1942). Kesemua teori ini telah dijelaskan dengan lebih terperinci pada bab 2 iaitu pada bahagian 2.2 teori yang mendasari kajian. Pada akhir sekali, kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji akan menunjukkan hubungan yang signifikan dan menunjukkan kesannya kepada peratusan pilihan aliran menengah atas dalam kalangan pelajar Tingkatan 4.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian tinjauan ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti kesan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) terhadap pilihan aliran menengah atas dalam kalangan pelajar tingkatan 4. Kesan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) ini dapat dikenal pasti dan diukur menerusi instrumen soal selidik yang disediakan kepada pelajar Tingkatan empat di 3 buah sekolah di Pulau Pinang. Bukan itu sahaja, kajian ini juga





membolehkan penyelidik untuk meninjau apakah faktor yang mempengaruhi pelajar untuk membuat pilihan aliran menengah atas selepas berlakunya pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Hal ini kerana, majoriti pelajar pasca pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) tidak mengetahui kebolehan dan kemampuan mereka terhadap jurusan yang bakal mereka pilih bagi aliran menengah atas. Hal ini dikatakan sedemikian kerana ketiadaan peperiksaan awam seperti PT3 ini menyebabkan kurangnya kesediaan mereka untuk menghadapi peperiksaan besar seperti Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) yang bakal mereka duduki sebelum mengakhiri pengajian mereka di sekolah menengah. Tambahan lagi, pemansuhan PT3 juga menyebabkan semangat daya saing dan ketekunan pelajar terhadap pelajaran berkurang kerana mereka menganggap bahawa pengajian di peringkat menengah rendah adalah tidak penting. Hal ini juga ada perkaitannya dengan pemansuhan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang turut menyumbang kepada permasalahan ini.



Menyedari akan hakikat ini, penyelidik berpendapat bahawa kajian tinjauan tentang isu ini perlulah dijalankan secara sistematik. Hal ini adalah penting bagi pihak KPM dan para guru untuk mengetahui kesan pemansuhan PT3 terhadap keupayaan pelajar untuk memilih aliran menengah atas. Melalui cara ini, guru-guru dapat memupuk minat dan rasa ingin tahu pelajar terhadap aliran STEM. Hal ini secara langsung dapat membantu para pelajar untuk membuat keputusan yang lebih tepat dan bersesuaian mengikut kelayakan mereka.

Oleh hal yang demikian, kajian tinjauan ini dilaksanakan adalah kerana terdapat pelbagai kepentingan yang dapat diperoleh melalui hasil daripada kajian ini. Antara kepentingannya ialah:



- i) Mengumpul maklumat tentang kesan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) terhadap pilihan aliran menengah atas dalam kalangan pelajar tingkatan 4.
- ii) Mengumpul maklumat mengenai faktor yang mempengaruhi pilihan aliran menengah atas dalam kalangan pelajar tingkatan 4.
- iii) Kajian tentang kesan pemansuhan PT3 kurang mendapat perhatian, oleh itu kajian tinjauan mengenai isu ini wajar untuk dilaksanakan.
- iv) Hasil dapatan kajian dapat diaplikasikan oleh guru untuk merencanakan strategi PdPc yang lebih berkesan dan telus.
- v) Hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada mana-mana pihak yang berminat untuk menjalankan kajian seterusnya berkaitan dengan kesan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) terhadap pilihan aliran menengah

atas.

1.9 Batasan Kajian

Terdapat beberapa limitasi yang dihadapi dalam usaha untuk melaksanakan kajian ini tinjauan ini. Batasan kajian yang pertama ialah kajian ini hanya melibatkan responden dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dari setiap aliran di beberapa 3 buah sekolah di kawasan Permatang Pauh, Pulau Pinang sahaja. Tambahan lagi, oleh kerana kajian ini hanya melibatkan beberapa buah sekolah di Pulau Pinang dan tidak melibatkan seluruh sekolah menengah di Malaysia, maka dengan ini hasil dapatan kajian tinjauan yang diperoleh adalah bersifat general. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana kajian ini tidak melibatkan setiap responden dari kalangan pelajar tingkatan 4 di negara ini. Hal



ini adalah kerana pandangan dan pengetahuan setiap pelajar adalah berbeza terhadap isu ini.

Seterusnya, batasan kajian yang kedua ialah melibatkan kaedah pengumpulan data secara borang soal selidik. Hal ini kerana terdapat kesukaran dan limitasi untuk pengkaji dalam mengedarkan borang soal selidik secara bersemuka kerana kajian sebenar ini dijalankan semasa semester pengajian penyelidik. Oleh disebabkan batasan ini, borang soal selidik tidak dapat diedarkan secara terus oleh pengkaji tetapi ianya diserahkan kepada kaunselor di setiap sekolah menerusi pautan *Google form* dan diedarkan kepada pelajar-pelajar Tingkatan empat. Bukan itu sahaja, senarai nama pelajar di setiap sekolah tidak diberikan kerana ia adalah privasi, maka pengkaji telah meminta kaunselor dan guru kelas untuk sentiasa mengingatkan para pelajar untuk mengisi borang tersebut. Rentetan itu, terdapat kemungkinan untuk wujudnya ralat akibat keengganan sampel untuk menjawab borang soal selidik tersebut yang akan merubah bilangan sampel yang telah ditetapkan oleh penyelidik pada awalnya. Hal dikatakan sedemikian adalah kerana maklum balas dari kaedah pengumpulan data ini adalah tidak diperoleh secara terus serta tiada pengawasan penyelidik secara bersemuka. Tambahan lagi, penyelidik perlu menghadirkan diri ke sekolah-sekolah terpilih untuk berjumpa dengan pihak pentadbir bagi meminta kebenaran dan menyerahkan pautan *Google form* yang mengandungi borang soal selidik tersebut kepada kaunselor. Secara ringkasnya, kewujudan ralat daripada bilangan responden ini sedikit sebanyak akan memberikan impak terhadap hasil dapatan kajian tinjauan ini.



1.10 Definisi Operasi

i) Kesan

Kesan merujuk kepada hasil atau akibat yang positif mahupun negatif dari suatu kejadian atau tindakan. Dalam kajian ini, kesan adalah merujuk kepada akibat yang diperoleh oleh para pelajar dari aspek pelbagai aspek seperti emosi, pencapaian, dan tingkah laku selepas berlakunya pemansuhan PT3.

ii) Faktor

Faktor dapat didefinisikan sebagai sebab atau unsur yang menyumbang kepada sesuatu hasil (kamus Dewan Edisi Ketiga, 2000). Dalam kajian ini, terdapat 5 faktor utama yang berkemungkinan mempengaruhi pelajar untuk membuat pilihan aliran menengah atas.

Faktor yang disenaraikan dalam kajian ini ialah minat, pencapaian, guru, ibu bapa dan rakan sebaya.

iii) Pemansuhan

Pemansuhan adalah satu tindakan atau perbuatan penghapusan, pembatalan atau pembubaran sesuatu perkara. Dalam konteks ini, pemansuhan ini adalah merujuk kepada pembubaran Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) iaitu peperiksaan awam di tahap menengah rendah yang telah digantikan dengan Pentaksiran Berasaskan Bilik Darjah (PBD).

iv) Pilihan

Pilihan dapat didefinisikan sebagai suatu proses untuk membuat keputusan berdasarkan kepada sesuatu faktor atau kriteria tertentu. Berdasarkan kajian ini, pilihan ini adalah



merujuk kepada keputusan yang dibuat oleh pelajar bagi menentukan aliran menengah atas yang mereka ikuti di Tingkatan empat.

v) Pentaksiran Berasaskan sekolah

Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), PBS adalah kaedah pentaksiran yang bersifat menyeluruh dan holistik yang menitik beratkan aspek 'JERIS' iaitu jasmani (psikomotor), emosi dan rohani (afektif), intelek (kognitif) dan sosial (afektif). PBS adalah suatu bentuk pentaksiran yang bertujuan untuk menilai atau menaksir pencapaian pelajar dalam bidang akademik dan bukan akademik. "PBS adalah pentaksiran di peringkat sekolah yang tertumpu kepada pentaksiran sekolah (PS), pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum (PAJSK), pentaksiran pusat (PP) dan pentaksiran psikometrik (PPsi)" (Azlina Amir Hamzah, 2016).



vi) Pentaksiran Bilik Darjah

Menurut KPM, PBD adalah satu kaedah pentaksiran secara formatif dan sumatif yang dinilai secara berterusan sepanjang sesi PdPc dijalankan. PBD dilaksanakan adalah untuk memperoleh maklumat mengenai perkembangan, kemajuan, kebolehan serta pencapaian murid di sekolah. Para guru memainkan peranan sebagai pelaksana PBS dimana ianya adalah secara berterusan sepanjang proses PdPc dijalankan manakala pihak sekolah adalah pengendali utama bagi pentaksiran ini. Pelaksanaan PBD adalah melibatkan beberapa bentuk pentaksiran antaranya adalah dari segi pemerhatian, lisan, penulisan serta melalui pelbagai aktiviti pembelajaran dengan berpandukan Standard Prestasi dan pertimbangan profesional guru.



1.11 Rumusan

Secara umumnya, bab ini telah membincangkan tentang permulaan bagi pelaksanaan kajian ini dimana ianya merangkumi pelbagai aspek seperti masalah yang menjadi titik permulaan kajian ini, mengapa kajian ini dijalankan serta teori atau konsep yang berkaitan dengan kajian ini. Oleh hal yang demikian, bab ini adalah meliputi bahagian pengenalan kajian yang bermula dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif, hipotesis, kepentingan kajian, batasan kajian dan diakhiri dengan definisi operasional.